



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

Malam 2022 Anugerah Citra Gemilang



MAFI RAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



MALAM ANUGERAH CITRA GEMILANG

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang dan penerima Anugerah Khidmat Setia bagi tahun 2021 di Majlis Malam Anugerah Citra Gemilang MAFI yang telah diadakan pada 11 Mei 2022 yang lalu.

Pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini menjadi pembakar semangat bukan sahaja kepada penerima APC malah seluruh warga kerja MAFI untuk terus memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan terbaik kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan petani, penternak, nelayan dan pengusaha agromakanan di sepanjang rantai nilai.

YBM MAFI jugamerakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja MAFI atas sumbangan tenaga yang dicurahkan sepanjang tahun 2021 dan menyeru keluarga MAFI agar terus berkhidmat dengan semangat kebersamaan yang tinggi dalam memajukan MAFI serta memastikan penyampaian perkhidmatan sampai kepada kumpulan sasaran.

Selain itu, usaha mencari inisiatif penambahbaikan proses kerja perlu diperkukuh, berfikir di luar kelaziman, mencetuskan idea dan pendekatan baru, berani melakukan pembaharuan dan sentiasa bersedia mengkaji semula dasar-dasar supaya kekal kehadapan dan kompetitif.

YBM berharap pengiktirafan dan penghargaan ini akan menjadi pembakar semangat bukan sahaja kepada penerima APC malah kepada seluruh warga kerja MAFI untuk terus produktif dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat pada masa hadapan.

Komitmen warga MAFI di setiap peringkat sangat penting dalam usaha memperkukuhkan sektor agromakanan negara sekaligus meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan negara.

LAWATAN KE KILANG PEMROSESAN AYAM WORLDSIGN INDUSTRIES SDN. BHD.

MAFI telah memudahkan prosedur permohonan subsidi di peringkat negeri dan ibu pejabat bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam. Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, prosedur permohonan dan semakan yang dilaksanakan di tiga (3) peringkat sebelum ini iaitu daerah, negeri dan ibu pejabat telah dikurangkan kepada satu (1) peringkat sahaja iaitu di peringkat negeri dan hanya kelulusan bayaran di peringkat ibu pejabat.

MAFI komited untuk memastikan pemberian subsidi ini dilaksanakan dengan kadar segera dengan mematuhi syarat-syarat ditetapkan agar dapat memberi manfaat kepada para penternak. YBM MAFI berkata demikian selepas melawat Kilang Pemprosesan Ayam Worldsign Industries Sdn. Bhd. di Rembau pada 10 Mei 2022 bagi melihat kelangsungan operasi di kilang-kilang ayam. Ia bertujuan memastikan pemprosesan dan pembungkusan ayam terus lancar bagi memenuhi keperluan tempatan.

Turut hadir dalam lawatan ini, YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan YBrs Tuan Mazlan bin Othman, Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, MAFI. Penternak diminta untuk mengemukakan borang-borang permohonan dan dokumen sokongan seperti invoice jualan, pesanan penghantaran pembelian anak ayam dan salinan perjanjian kontrak bagi menuntut subsidi dalam tempoh permohonan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Pemberian subsidi kepada penternak ayam merupakan intervensi sementara dalam menangani kos pengeluaran yang meningkat dan pada masa sama menjamin bekalan ayam kekal stabil serta memastikan rakyat dapat menikmati harga ayam dan telur yang berpatutan.

Tindakan proaktif akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan kelangsungan dan kemampuan industri penternakan ayam walaupun negara sedang berdepan dengan peningkatan kos input pengeluaran berterusan yang merupakan fenomena global.

Pada masa sama, MAFI sedang mengkaji keperluan untuk melanjutkan tempoh kelulusan kuota import ayam dengan mengambil kira penilaian keperluan bekalan negara. Kerajaan telah memberi kebenaran untuk mengimport ayam sehingga 10,000 tan metrik sebulan dari loji yang diiktiraf oleh Kerajaan di negara Thailand, China dan Brazil sebagai langkah intervensi sementara tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Ketika ini, syarikat-syarikat telah diberi kelulusan kuota untuk tempoh dari Disember 2021 sehingga Mei 2022 dan akan dihentikan sebaik sahaja bekalan ayam bulat dalam negara mencukupi.

MAFI akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan negara melalui pelbagai usaha sama strategik dan sinergi terutamanya dengan kolaborasi bersama Kementerian dalam memastikan industri ternakan kekal mampan, rakyat mendapat akses sumber protein dengan harga berpatutan dan sekuriti makanan negara terus terjamin.



SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) SMART SAWAH BERKALA BESAR (SMART SBB)

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah merasmikan Program SMART Sawah Berkala Besar (SMART SBB) dan Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara MAFI dan lima syarikat peneraju di Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang pada 17 Mei 2022 yang lalu.

Program SMART SBB di Pulau Pinang melibatkan kawasan seluas 942 hektar dan 420 orang pesawah di bawah seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang.

Sejak diperkenalkan pada 23 Februari 2021, program SMART SBB telah berjaya dilaksanakan di sembilan buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak dengan penglibatan sebanyak 19 buah syarikat peneraju.

MOU yang termeterai ini telah menjadikan jumlah keseluruhan penglibatan syarikat peneraju dalam program SMART SBB adalah sebanyak 24 syarikat setakat ini selain menyenaraikan negeri Pulau Pinang dalam kalangan negeri-negeri yang telah menahyut seruan Kerajaan melaksanakan program SMART SBB. BERNAS dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena juga telah Menandatangani Perjanjian Pengurusan Program SMART SBB pada majlis yang sama.

Program SMART SBB ini diyakini dapat membantu Kerajaan mencapai sasaran 75% Tahap Sara Diri (SSL) negara menjelang tahun 2025 sepertimana yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Turut hadir, YB. Dr. Hajah Norlela Ariffin, EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, TKSU (Pembangunan) MAFI, YBhg. Dato' Zahimi Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia dan YBrs. Encik Azman Mahmood, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi, MAFI.



JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA SABAH

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Sabah telah berlangsung selama tiga hari dari 20 hingga 22 Mei 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di Kota Kinabalu. Pada Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri Sabah kali ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah dipilih sebagai Kementerian peneraju.

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan pelaksanaan Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Disember 2021 dan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri Johor & Perlis pada bulan Mac 2022.

Penganjuran jelajah ini adalah untuk memastikan rakyat di semua peringkat dapat memahami dan menghayati Aspirasi Keluarga Malaysia.

Program ini juga dapat menyampaikan inisiatif-inisiatif Kerajaan di peringkat Pusat dan Negeri mengenai perancangan dan pencapaian Kerajaan sebagai sebuah Keluarga Malaysia. Ini adalah manifestasi dan usaha berterusan Kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat secara turun padang ke seluruh negara. Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia ini akan diteruskan ke negeri-negeri lain di seluruh negara.



SAMBUTAN HARI LEBAH SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I telah merasmikan sambutan Hari Lebah Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang dianjurkan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan tema Kelestarian Lebah: Pemangkin Biodiversiti, Pencetus Ekonomi yang turut mendapat kerjasama dari MAFI, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), MARDI, USM dan Gabungan Persatuan Usahawan Kelulut Malaysia (GLUKM) pada 20 Mei 2022 yang lalu.

Objektif sambutan yang diadakan setiap tahun bermula pada tahun 2017 adalah bagi mempromosikan pendidikan dan kesedaran masyarakat berkaitan lebah dan alam sekitar secara meluas, mengiktiraf mereka yang memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan lebah.

Dianggarkan industri lebah berpotensi memberi pulangan ekonomi sebanyak RM2.385 billion setahun pada masa hadapan iaitu 99% daripada nilai tersebut dapat disumbangkan oleh aktiviti pendebungaan lebah dalam sektor pertanian. Manakala, madu lebah sebenarnya hanya menyumbang sebanyak RM19.27 juta (1%) sahaja daripada keseluruhan nilai ekonomi yang mampu dijana oleh industri ini.

Memelihara lebah dan mengurus lebah secara efisien dapat memelihara sumber rantai makanan khusus dalam sektor pertanian kerana lebah merupakan agen pendebungaan yang sangat signifikan sumbangannya dalam industri makanan negara.

MESYUARAT KHAS MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan satu mesyuarat khas Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang semalam secara hibrid di Wisma Tani, MAFI pada 25 Mei 2022 yang lalu.

Mesyuarat ini diadakan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan sekuriti makanan negara. Selain itu, langkah-langkah intervensi jangka sederhana dan panjang juga telah dibincangkan bagi merangka hala tuju sektor pertanian dan industri makanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh dan holistik.

MPPN bertindak sebagai penasihat dalam mengenal pasti isu-isu khususnya berkaitan sekuriti makanan negara dan menyumbang pandangan serta cadangan yang sesuai bagi memacu hala tuju sektor agromakanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa.

Ahli-Ahli MPPN mengambil maklum langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan termasuk pemberian subsidi

kepada penternak ayam, pemansuhan Approved Permit (AP) untuk produk agromakanan, pemberhentian eksport ayam dan pelbagai langkah lain.

Pada masa yang sama, MPPN juga menyatakan langkah jangka masa sederhana dan panjang perlu disusuri bagi mendepani cabaran-cabaran sekuriti makanan negara secara komprehensif.

MAFI akan mengambil tindakan susulan berkaitan semua cadangan dan pandangan yang diberikan dalam mesyuarat ini. Sebahagian cadangan termasuk langkah-langkah jangka masa sederhana dan panjang bagi memperkukuhkan sekuriti makanan negara akan dibawa untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mei 2022.

MAFI akan terus mengadakan perbincangan dan libat urus terbuka dengan semua pihak berkepentingan dalam usaha menghadapi cabaran-cabaran semasa yang mengancam sekuriti makanan negara sekaligus memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.





AGROBANK BUKA CAWANGAN KE-140 DI TELUPID, SABAH – TINGKAT PERKHIDMATAN PERBANKAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

Pada 27 Mei 2022, Agrobank sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dengan fokus untuk membangunkan sektor pertanian, telah meluaskan rangkaian perbankannya di Sabah dengan pembukaan cawangannya yang ke-140 di Telupid, Sabah.

Pembukaan cawangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Khandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Telupid dipilih sebagai lokasi terbaru Agrobank kerana kegiatan ekonominya dalam sektor pertanian serta industri pemrosesan makanan khususnya dalam penternakan ikan, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta tanaman kelapa sawit dan getah.

Agrobank langkah proaktif dengan memilih Telupid untuk membuka rangkaian perbankannya di sini kerana kawasan ini terletak 232 kilometer dari Kota Kinabalu dan 130 kilometer daripada Sandakan. Kekangan ini menyebabkan penduduk Telupid sukar untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan yang holistik seperti pembukaan akaun bank, perkhidmatan pembiayaan, ATM dan CDM dan lain-lain.

Agrobank turut mengumumkan pemberian hadiah wang saguhati sebanyak RM20 yang akan dikreditkan secara terus ke dalam 200 akaun Agrobank pertama yang dibuka di cawangan Telupid. Demi menjamin kelestarian sektor pertanian negara, Agrobank terus komited dan optimis untuk membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat menerusi produk dan perkhidmatan perbankan yang ditawarkan yang akan memenuhi keperluan para pelanggan kami di sepanjang rantaian nilai pertanian dan agromakanan.

Pembukaan cawangan di Telupid ini pastinya dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan perbankan yang dihadapi oleh golongan luar bandar. Dengan jarak perjalanan yang jauh dari Kota Kinabalu dan Sandakan ke daerah ini.

Cawangan ini akan dapat membantu komuniti setempat untuk merancakkan lagi sektor pertanian di daerah ini menerusi penawaran perkhidmatan perbankan sekali gus membantu meningkatkan kelestarian bekalan makanan negara.

YBM MAFI menyampaikan surat tawaran pembiayaan di bawah program Keluarga Malaysia Guarantee Government Scheme kepada 89 Supersave Mini Market di sekitar Telupid.

Agrobank juga turut menyalurkan bantuan zakat berjumlah RM10,000.00 kepada Parlimen Beluran untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan bagi membantu mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh yang mencabar ini.

Turut hadir bersama adalah Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Md Afendi Bin Datuk Hamdan, Ahli Lembaga Pengarah Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Celestine Jetony, Pegawai Daerah Telupid dan Datin Fauziah Abu Bakar Titingan, Pengarah Wilayah Sabah Agrobank.



SESI LIBAT URUS YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN BERSAMA PEMAIN INDUSTRI AYAM

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah mengadakan sesi libat urus dengan pemain utama industri ayam pada 23 Mei 2022 yang lalu bertempat di Wisma Tani, Putrajaya. Sesi ini telah dihadiri oleh 12 pemain industri dan persatuan penternak seperti Leong Hup Poultry Farm Sdn. Bhd., HLRB Broiler Farm Sdn. Bhd., PWF Corporation Bhd, Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia (FLFAM) dan Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS).

MAFI mengambil maklum semua isu-isu yang telah dibangkitkan termasuk peningkatan kos pengeluaran ayam, masalah kenaikan berat badan ayam, jangkitan penyakit, keadaan cuaca, proses Kebenaran Merancang (KM) dan sebagainya yang telah menjejaskan operasi dan seterusnya memberikan kesan kepada bekalan ayam. Isu-isu berkaitan dengan pemberian subsidi ayam melalui DVS kepada penternak juga telah dibincangkan. DVS akan terus mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam bagi merencanakan aktiviti pengeluaran makanan ke arah meningkatkan pengeluaran domestik.

Sebelum ini, MAFI telah memudahkan prosedur permohonan bagi mempercepat pembayaran subsidi kepada penternak ayam. Tindakan juga sedang diambil dengan mobilasi lebih banyak pegawai ke peringkat negeri bagi menyegerakan semakan permohonan. Kerajaan telah menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90/kg dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu. Subsidi ini telah diberikan oleh Kerajaan untuk meringankan beban kos pengeluaran ayam yang kian meningkat Keluarga Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, hanya RM50 juta subsidi telah dibayar setakat ini. Semua penternak yang memenuhi syarat diminta untuk mengemukakan permohonan agar tuntutan dapat disalurkan dalam tempoh yang dijanjikan. Melalui sesi libat urus ini, pihak industri juga telah menyatakan komitmen dan jaminan bahawa ladang-ladang mereka akan terus membekalkan ayam untuk keperluan pasaran tempatan.

MAFI akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan pihak industri yang memainkan peranan penting dan terlibat secara langsung dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran kekal terjamin.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau mensabotaj bekalan ayam di pasaran yang dapat menjejaskan kehidupan rakyat.

MAFI sentiasa memandang serius sebarang perkara yang mengancam sekuriti makanan negara dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.





PROJEK RINTIS JAGUNG BIJIAN

Jagung bijian adalah komponen penting dalam makanan ternakan khususnya ayam kerana jagung bijian merupakan sumber tenaga utama kepada ternakan. Pada tahun 2018, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengambil inisiatif memulakan semula Projek Pembangunan Industri Jagung Bijian di bawah Program Sumber Kekayaan Baharu bagi mengurangkan 30% import makanan ternakan.

Peranan Jabatan Pertanian dalam Projek Rintis Jagung Bijian yang dilaksanakan pada tahun 2018 hingga 2022 adalah menjalankan verifikasi lokasi yang bersesuaian termasuk penilaian hasil dan kualiti jagung bijian yang ditanam serta menyediakan perkhidmatan pengembangan dan ladang kontrak melalui syarikat peneraju atau koperasi.

Jabatan Pertanian mengambil inisiatif memperkasa industri jagung bijian dengan menerbitkan Buku Pakej Teknologi Jagung Bijian pada tahun 2020 sebagai panduan dalam penanaman dan pengurusan tanaman jagung bijian dan Buku Pelan Tindakan Kawalan Ulat Ratus Fall Armyworm (FAW) pada tahun 2021 bagi rujukan pemegang taruh dalam mengawal FAW.

Jabatan Pertanian sentiasa mengemaskini maklumat pengurusan tanaman jagung bijian berdasarkan dapatan di lapangan dan penyesuaian teknologi semasa bagi meningkatkan hasil jagung bijian. Pada 11 Mei 2022 yang lalu, YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MAFI telah merasmikan Projek Rintis Jagung Bijian bertempat di Chuping, Perlis.

Program ini dapat memberi pendedahan kepada pemegang taruh mengenai Program Pembangunan Jagung Bijian yang diusahakan melalui pendekatan kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian dengan syarikat peneraju. Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan mengenai teknologi penanaman jagung bijian dan amalan pertanian baik bagi menghasilkan jagung bijian yang berkualiti.

Pada tahun 2022, seluas 176 hektar penanaman jagung bijian sedang dibangunkan di Negeri Perlis dengan melibatkan lapan orang peserta yang terdiri daripada agensi, syarikat swasta dan individu. Antara syarikat peneraju yang sedang mengusahakan penanaman jagung bijian di Perlis secara ladang kontrak adalah Syarikat Green World Genetics Sdn. Bhd. (GWG).

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, pembangunan tanaman jagung bijian diletakkan di bawah Projek Pembangunan Makanan Ternakan. Antara insentif yang diberikan melibatkan pembangunan dan penyediaan infrastruktur, input pertanian, perolehan jentera dan peralatan serta penambahbaikan loji sedia ada di bawah Jabatan Pertanian.

Hadir sama pada program itu adalah YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Dr. Mohammad Kamal bin Hj. Abdul Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Encik Hafizuddin bin Othman, Pengarah Pertanian Negeri Perlis.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



KELAB MAFI



Mesyuarat **AGUNG 2022** **TAHUNAN** **KELAB MAFI**



30
JUN 2022

8.30 PAGI-
1.00 PETANG

DEWAN SERBAGUNA, MAFI



DIRASMIKAN OLEH:

YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MERANGKAP PENAUNG KELAB MAFI

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

**YBHG. DATO'
HASLINA BINTI
ABDUL HAMID**
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:

**SALMAH BINTI
RAMLI**

EDITOR:

**NURIL
MUTMAINNAH
ROSLA**

PENULIS:

**SARI NOR
AMRIYAH**
**SAIYASWARY
A/P
SURNARAYANA**

GRAFIK:

**SURAIYA
HANI BINTI
ZAMARI**
**NABILLAH
ZAMRI**

JURU FOTO:

**MOHD NAJIB
BIN ABDUL
JABAR**

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, MAFI**